



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

PROJEK FLYOVER MEDAN JAYA – JALAN TUN HUSSEIN ONN, BINTULU CAPAI 89.05 PERATUS, DIJANGKA BANTU ATASI KESESAKAN TRAFIK

BINTULU , SARAWAK - Projek Pembinaan *Flyover* Jalan Medan Jaya – Jalan Tun Hussein Onn, Bintulu merupakan antara projek infrastruktur penting Kementerian Kerja Raya dalam usaha meningkatkan keupayaan rangkaian jalan raya serta menangani isu kesesakan trafik di kawasan bandar Bintulu, Sarawak.

2. Projek bernilai RM135 juta ini melibatkan jajaran sepanjang 2.6km dengan skop pembinaan menaik taraf jalan kepada lapan (8) lorong dua (2) hala, enam (6) lorong dua (2) hala, sebuah *flyover* empat lorong dua hala, kerja-kerja menaik taraf jalan sedia ada serta penambahbaikan di Persimpangan Medan Jaya dan Persimpangan Taman Tinggi. Sehingga kini, kemajuan fizikal projek telah mencapai 89.05 peratus dengan tarikh siap semasa adalah pada 15 September 2027.

3. Kementerian Kerja Raya melalui JKR Malaysia dan JKR Sarawak akan terus memastikan pelaksanaan projek dipantau secara rapi supaya momentum kerja dikekalkan sehingga projek siap dalam tempoh yang telah ditetapkan. Penekanan kepada aspek kualiti pembinaan, keselamatan serta pengurusan trafik sepanjang tempoh pelaksanaan projek turut diberi perhatian.

4. Apabila projek ini siap kelak, ianya dijangka dapat membantu mengurangkan kesesakan trafik di Persimpangan Medan Jaya, khususnya pada waktu puncak, selain meningkatkan keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya. Projek ini juga dijangka menyumbang kepada peningkatan kecekapan perjalanan dan merangsang perkembangan aktiviti ekonomi setempat di Bandar Bintulu.

5. Kerajaan akan terus memberi perhatian terhadap pelaksanaan projek-projek infrastruktur yang memberi manfaat langsung kepada rakyat, termasuk memastikan

penyampaian projek dilaksanakan secara teratur, berkualiti dan memenuhi keperluan pembangunan setempat.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA

21 SEPTEMBER 2026

#KearahKesejahteraanRakyat

#JasaKepadaRakyat

#MYJALAN

#TangkasBertindak

#KerajaanMADANI

#MADANIbekerja